Perpustakaan
Parlimen Malaysia

MALAYSIA

DR. 2 TAHUN 2016
DIPERINTAH OLEH DEWAN RAKYAT UNTUK DICETAK

---------------------------------------

# PENYATA
# JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT
# MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

Dikemukakan oleh :

YANG BERHORMAT TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
PANDIKAR AMIN BIN HAJI MULIA
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

# MINIT MESYUARAT
# JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT
# MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
# PARLIMEN KETIGABELAS
# BIL. 1 TAHUN 2016

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 23 Mac 2016 (Rabu) |
| Masa | : | 1.30 tengah hari |
| Tempat | : | Bilik Mesyuarat Tingkat 4<br>Blok Menara<br>Parlimen Malaysia |

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

**Hadir:**

| | | |
|---|---|---|
| Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia<br>(Yang di-Pertua Dewan Rakyat) | - | Pengerusi |
| Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz<br>(Ahli Parlimen Kawasan Padang Rengas) | | |
| Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran<br>(Ahli Parlimen Kawasan Ipoh Barat) | | |
| Yang Berhormat Tuan N. Surendran A/L Nagarajan<br>Ahli Parlimen Padang Serai | | |
| Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah<br>Setiausaha Dewan Rakyat | - | Setiausaha |

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said
(Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat)

Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong
(Ahli Parlimen Kawasan Ayer Hitam)

Yang Berhormat Datuk Saravanan a/l Murugan
(Ahli Parlimen Kawasan Tapah)

**HADIR BERSAMA**

Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said
(Ahli Parlimen KawasanPengerang/ Menteri di Jabatan Perdana Menteri – Menteri bagi Parlimen)

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad
(Ahli Parlimen Kawasan Johor Bahru/ Pengerusi BNBBC)

**Jabatan Peguam Negara**

Yang Berusaha Puan Rozita binti Ramli
(Timbalan Penggubal Undang-undang Parlimen)

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif
(Penolong Kanan Penggubal Undang-undang Parlimen)

**Parlimen Malaysia**

Puan Adlena binti Ab Aziz
(Penasihat Undang-undang I)

Cik Sri Ikhdiana Khaireen binti Abu Hurairah
(Penasihat Undang-undang II)

## MINIT MESYUARAT

### 1.0 PERUTUSAN YANG BERHORMAT TAN SRI PENGERUSI

1.1 Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Ahli-Ahli Yang Berhormat pada Mesyuarat Jawatankuasa kali ini.

1.2 Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi memaklumkan bahawa tujuan mesyuarat hari ini adalah bagi membincangkan mengenai pindaan kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada Rabu, 20 Januari 2016 seperti yang berikut:

1.2.1 Tempoh notis pertanyaan jawab lisan dipendekkan daripada 14 hari bekerja kepada 10 hari bekerja dan tiga (3) pertanyaan-pertanyaan jawab lisan daripada sepuluh (10) pertanyaan berkenaan dikemukakan semasa persidangan dewan berlangsung;

1.2.2 Kamar Khas (*Special Chamber*) diwujudkan bagi urusan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 17 (ucapan penangguhan) dan Peraturan Mesyuarat 18 (perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan); dan

1.2.3 Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (*Minister's Question Time*) diadakan selama 30 minit (10.00 pagi sehingga 10.30 pagi) pada setiap hari Selasa dan Khamis sebelum Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan bagi memberi ruang kepada Ahli Parlimen mengemukakan pertanyaan berhubung isu-isu terkini.

1.3 Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi memaklumkan bahawa cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan yang baru

seperti berikut ditangguhkan untuk sementara waktu bagi membolehkan kajian yang lebih terperinci dilaksanakan dan memperhalusi pelaksanaan sistem yang bersesuaian diguna pakai di negara ini:

1.3.1 Jawatankuasa Pengangkutan Dan Bandar (*Committee On Transportation And Cities*);

1.3.2 Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Negara (*Committee On Foreign Affairs*);

1.3.3 Jawatankuasa Pendidikan (*Committee On Education*);

1.3.4 Jawatankuasa Makanan Dan Kesihatan (*Committee On Food And Health*);

1.3.5 Jawatankuasa Tenaga, Alam Sekitar Dan Air (*Committee On Energy, Environment And Water*);

1.3.6 Jawatankuasa Kesejahteraan Luar Bandar (*Committee On Rural Wellbeing*);

1.3.7 Jawatankuasa Ekonomi (*Committee On Economics*);

1.3.8 Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita (*Committee On Women Affairs*); dan

1.3.9 Jawatankuasa Integriti (*Committee On Integrity*)

1.4 Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi juga memaklumkan cadangan-cadangan berikut tidak dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet:

1.4.1 Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-Undang ditolak berikutan terdapat kemungkinan akan ada kelewatan (delay) dalam proses penggubalan Rang Undang-Undang dari segi logistik sebelum dapat dibawa ke Mesyuarat Dewan Rakyat;

1.4.2 Jawatankuasa Peruntukan Perbelanjaan ditolak dan dicadangkan fungsi Jawatankuasa Peruntukan Perbelanjaan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Dewan sedia ada; dan

1.4.3 Jawatankuasa Urusan Mesyuarat ditolak.

## 2.0 EDARAN DOKUMEN

Dokumen berikut telah diedarkan semasa mesyuarat:

i) Lampiran A1 dan A2 – Pindaan Peraturan Mesyuarat 13;

ii) Lampiran B1 dan B2 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 14;

iii) Lampiran C1 dan C2 - Peraturan Mesyuarat Baru 14A;

iv) Lampiran D1 dan D2 - Penggantian Peraturan Mesyuarat 16;

v) Lampiran E1 dan E2 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 17;

vi) Lampiran F1 dan F2 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 18;

vii) Lampiran G1 dan G2 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 22;

viii) Lampiran H1 dan H2 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 24; dan

ix) Lampiran I1 dan I2 - Peraturan Mesyuarat Baru 24A;

## 3.0 CADANGAN PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT SELARAS DENGAN KEPUTUSAN JEMAAH MENTERI

### 3.1 PINDAAN PERATURAN MESYUARAT 13

Peraturan Mesyuarat 13 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda –

*(a)* dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

"(1A) Walau apa pun perenggan (1), cukup bilang bagi Kamar Khas hendaklah mengandungi tiga orang ahli dengan termasuk Pengerusi yang disebut dalam Peraturan Mesyuarat 16."; dan

*(b)* dalam perenggan (3), dengan memasukkan selepas perkataan "Majlis Mesyuarat" perkataan "atau Kamar Khas".

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukup bilang Kamar Khas.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 13 | Teks Peraturan Mesyuarat 13 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | **13(1A) Walau apa pun perenggan (1), cukup bilang bagi Kamar Khas hendaklah mengandungi tiga orang ahli dengan termasuk Pengerusi yang disebut dalam Peraturan Mesyuarat 16.** |
| 2. | 13(3) Setelah dipanggil ahli-ahli itu, maka Tuan Yang di-Pertua, selepas genap dua minit, hendaklah membilang berapa orang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat; jika tidak cukupbilang juga maka hendaklah ditangguhkannya mesyuarat itu hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat. | 13(3) Setelah dipanggil ahli-ahli itu, maka Tuan Yang di-Pertua, selepas genap dua minit, hendaklah membilang berapa orang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat **atau Kamar Khas**; jika tidak cukup bilang juga maka hendaklah ditangguhkannya mesyuarat itu hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat. |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran A1** dan **A2**.

[Rujuk:
i) Lampiran A1 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 13; dan
ii) Lampiran A2 - *Amendment of Standing Order* 13]

## 3.2 PINDAAN PERATURAN MESYUARAT 14

Peraturan Mesyuarat 14(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda –

*(a)* dengan memasukkan selepas subperenggan *(f)* subperenggan yang berikut:

"*(fa)* Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri."; dan

*(b)* dalam subperenggan *(h)*, dengan menggantikan perkataan "Permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat kerana" dengan perkataan "Usul bagi".

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 14 bertujuan untuk memasukkan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 14 | Teks Peraturan Mesyuarat 14 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | **14(1)*(fa)* Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri.** |

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 14 | Teks Peraturan Mesyuarat 14 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 2. | 14(1)*(h)* Permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan. | **14(1)*(h)* Usul bagi perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan.** |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran B1** dan **B2**.

[Rujuk:
iii) Lampiran B1 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 14; dan
iv) Lampiran B2 - *Amendment of Standing Order* 14]

3.3 **PERATURAN MESYUARAT BARU 14A**

Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas Peraturan Mesyuarat 14 Peraturan Mesyuarat yang berikut:

"Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.

**14A.** Urusan-urusan bagi setiap persidangan Kamar Khas hendaklah mengikut aturan sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.".

**Penerangan**

Peraturan Mesyuarat baru 14A bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas (*Special Chamber*).

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 14A | Teks Peraturan Mesyuarat 14A Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | **14A. Urusan-urusan bagi setiap persidangan Kamar Khas hendaklah mengikut aturan sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.** |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran C1** dan **C2**.

[Rujuk:
i) Lampiran C1 - Peraturan Mesyuarat Baru 14A; dan
ii) Lampiran C2 - *New Standing Order* 14A]

3.4 **PENGGANTIAN PERATURAN MESYUARAT 16**

Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan menggantikan Peraturan Mesyuarat 16 dengan Peraturan Mesyuarat yang berikut:

Kamar Khas.

16. (1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang dirujukkan kepadanya seperti yang berikut:

*(a)* ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17; dan

*(b)* perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai di bawah Peraturan

Mesyuarat 18.

(2) Semua ahli Majlis adalah ahli Kamar Khas.

(3) Cukup bilang Kamar Khas hendaklah tiga orang ahli dan terdiri daripada–

*(a)* Tuan Yang di-Pertua;

*(b)* seorang ahli yang mengeluarkan usul; dan

*(c)* seorang ahli Kerajaan.

(4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada bila-bila masa semasa persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.

(5) Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan Kamar Khas buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan secaranya dan ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas.

(6) Tiap-tiap persidangan Kamar Khas hendaklah dimulakan pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.

(7) Walau apa pun perenggan (6), Tuan Yang di-Pertua pada bila-bila masa boleh menempohkan persidangan mesyuarat selama yang ditetapkan masanya.

Perpustakaan
Parlimen Malaysia



(8) Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 4.30 petang setakat yang tidak melebihi lima belas minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.

(9) Peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini hendaklah terpakai bagi Kamar Khas.".

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 16 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru bagi mewujudkan Kamar Khas untuk menimbang usul berkenaan perkara tadbir Kerajaan di bawah Peraturan Meysuarat 17 dan usul perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 16 | Teks Peraturan Mesyuarat 16 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | <u>Menangguhkan Majlis</u>.<br><br>16. (1) Kecuali menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 18 usul hendak menangguhkan mesyuarat tidak boleh dikeluarkan sehingga pukul 5.30 petang atau sehingga selesai atau ditangguhkan semua sekali urusan-urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat bagi persidangan mesyuarat. Dan usul demikian ini tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut syarat-syarat Peraturan ini | <u>**Kamar Khas**</u><br><br>**16. (1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang dirujukkan kepadanya seperti yang berikut:**<br><br>***(a)* ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17; dan**<br><br>***(b)* perkara tertentu berkenaan kepentingan** |

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 16 | Teks Peraturan Mesyuarat 16 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | dan Peraturan 17.<br><br>(2) Pada pukul 5.30 petang, Tuan Yang di-Pertua atau, jika Majlis dalam Jawatankuasa, maka Pengerusi, hendaklah merentikan perjalanan mesyuarat.<br><br>(3) Setelah tamat perjalanan menurut syarat-syarat perenggan (2), atau setelah selesai atau ditangguhkan urusan-urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan Majlis, atau jika telah dikeluarkan usul hendak menangguhkan Majlis menurut syarat-syarat Peraturan 17, maka hendaklah Tuan Yang di-Pertua memanggil seorang Menteri mencadangkan "Iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang." | **orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18.**<br><br>**(2) Semua ahli Majlis adalah ahli Kamar Khas.**<br><br>**(3) Cukup bilang Kamar Khas hendaklah tiga orang ahli dan terdiri daripada–**<br><br>***(a)* Tuan Yang di-Pertua;**<br><br>***(b)* seorang ahli yang mengeluarkan usul; dan**<br><br>***(c)* seorang ahli Kerajaan.**<br><br>**(4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada bila-bila masa semasa persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.**<br><br>**(5) Pada bila-bila masa Kamar Khas bersidang, Tuan Yang di-Pertua boleh meminta seseorang ahli mempengerusikan Kamar Khas buat sementara dengan tidak payah diberitahu Kamar Khas dengan secaranya dan ahli yang mempengerusikan tetaplah terserah kepadanya semua kuasa-kuasa Tuan Yang di-Pertua sehingga Tuan Yang di-Pertua balik semula mengetuakan Kamar Khas.**<br><br>**(6) Tiap-tiap persidangan Kamar Khas hendaklah** |

Perpustakaan
Parlimen Malaysia



| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 16 | Teks Peraturan Mesyuarat 16 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | | **dimulakan pada pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.**<br><br>**(7) Walau apa pun perenggan (6), Tuan Yang di-Pertua pada bila-bila masa boleh menempohkan persidangan mesyuarat selama yang ditetapkan masanya.**<br><br>**(8) Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa mesyuarat selepas pukul 4.30 petang setakat yang tidak melebihi lima belas minit untuk menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.**<br><br>**(9) Peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini hendaklah terpakai bagi Kamar Khas.** |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran D1** dan **D2**.

[Rujuk:

i) Lampiran D1 - Penggantian Peraturan Mesyuarat 16; dan

ii) Lampiran D2 - *Substitution of Standing Order* 16]

## 3.5 PINDAAN PERATURAN MESYUARAT 17

Peraturan Mesyuarat 17 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda –

*(a)* dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Usul Menangguhkan Mesyuarat Akhir Persidangan." dengan perkataan "Usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan.";

*(b)* dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

"(1) Siapa-siapa ahli selain Menteri yang telah mendapat kebenaran hendak memberi ucapan bolehlah mengeluarkan ucapan kepada Kamar Khas berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan dan Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang dikeluarkan itu bolehlah menjawabnya.";

*(c)* dalam perenggan (4), dengan menggantikan perkataan "ucapan penangguhan" dengan perkataan "ucapan,"; dan

*(d)* dengan memotong perenggan (5).

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 17 adalah berbangkit daripada pewujudan Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 16.

**Teks Pindaan**

| **Bil.** | **Teks Asal Peraturan Mesyuarat 17** | **Teks Peraturan Mesyuarat 17 Dengan Pindaan/Baru** |
|---|---|---|
| | Usul Menangguhkan Mesyuarat Akhir Persidangan | **Usul berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan** |

Perpustakaan
Parlimen Malaysia



| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 17 | Teks Peraturan Mesyuarat 17 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | 17(1) Setelah dicadangkan "Iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang" menurut syarat-syarat perenggan (3) dalam Peraturan Mesyuarat 16, siapa-siapa ahli (selain daripada Menteri) yang telah mendapat kebenaran hendak memberi ucapan, bolehlah mengeluarkan ucapan kepada Majlis Mesyuarat berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang dikeluarkan itu bolehlah menjawabnya tetapi ucapan seperti itu tidaklah boleh dibuat dalam mesyuarat pertama satu-satu Penggal atau dalam mesyuarat di mana Rang-rang Undang-undang Perbekalan ditimbangkan. | **17(1) Siapa-siapa ahli selain Menteri yang telah mendapat kebenaran hendak memberi ucapan bolehlah mengeluarkan ucapan kepada Kamar Khas berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan dan Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang dikeluarkan itu bolehlah menjawabnya.** |
| | (4) Dalam masa ucapan **penangguhan** tidak boleh mana-mana ahli meminta penjelasan atau mengganggu mana-mana ahli yang sedang berucap. | (4) Dalam masa ucapan, tidak boleh mana-mana ahli meminta penjelasan atau mengganggu mana-mana ahli yang sedang berucap. |
| | (5) Setelah selesai perjalanan mesyuarat sedemikian, Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan Majlis Mesyuarat:<br><br>Tetapi disyaratkan iaitu Tuan Yang di-Pertua hendaklah menangguhkan mesyuarat pada pukul 6.00 petang dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat jika masalah itu belum diputuskan lagi terlebih dahulu. | **(5) *Dibatalkan*.** |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran E1** dan **E2**.

[Rujuk:

i) Lampiran E1 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 17; dan

ii) Lampiran E2 - *Amendment of Standing Order* 17]

## 3.6 PINDAAN PERATURAN MESYUARAT 18

Peraturan Mesyuarat 18 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda –

*(a)* dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Menangguhkan Mesyuarat-Perkara" dengan perkataan "Usul perkara";

*(b)* dengan menggantikan perenggan (1) dengan perenggan yang berikut:

"(1) Siapa-siapa ahli selain Menteri bolehlah berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dengan membaca teks usul yang diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua.";

*(c)* dalam perenggan (2), dengan memotong perkataan "yang hendak meminta izin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan";

*(d)* dengan memotong perenggan (3);

*(e)* dengan memotong perenggan (4); dan

(*f*) dalam perenggan (5), dengan memotong perkataan "menangguhkan mesyuarat".

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 18 adalah berbangkit daripada pewujudan Kamar Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 16.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal<br>Peraturan Mesyuarat 18 | Teks Peraturan Mesyuarat 18<br>Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | <u>Menangguhkan Mesyuarat–Perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan</u><br><br>18(1) Siapa-siapa ahli, selain daripada_Menteri, pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Mesyuarat 14, bolehlah berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran hendak mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dengan membaca teks usul yang diluluskan oleh Tuan yang di-Pertua.<br><br>(2) Seseorang ahli **yang hendak meminta izin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat** | **<u>Usul perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan</u>**<br><br>**18(1) Siapa-siapa ahli selain Menteri bolehlah berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran hendak merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan dengan membaca teks usul yang diluluskan oleh Tuan Yang di-Pertua.**<br><br>(2) Seseorang ahli hendaklah mengeluarkan pemberitahu bersurat yang tidak melebihi tiga ratus perkataan kepada Tuan Yang di-Pertua berkenaan |

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 18 | Teks Peraturan Mesyuarat 18 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | **ditangguhkan** hendaklah mengeluarkan pemberitahu bersurat yang tidak melebihi tiga ratus perkataan kepada Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan perkara yang hendak dirundingkannya itu iaitu sekurang-kurangnya dua puluh empat jam tidak termasuk hari kelepasan sebelum persidangan dimulakan dan ia hendaklah mengemukakan bersama-sama pemberitahu itu usul yang dicadangkannya itu bersekali dengan penjelasan bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua menyatakan mengapa perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika dia puas hati iaitu perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai. | dengan perkara yang hendak dirundingkannya itu iaitu sekurang-kurangnya dua puluh empat jam tidak termasuk hari kelepasan sebelum persidangan dimulakan dan ia hendaklah mengemukakan bersama-sama pemberitahu itu usul yang dicadangkannya itu bersekali dengan penjelasan bertulis kepada Tuan Yang di-Pertua menyatakan mengapa perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai. Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika dia puas hati iaitu perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai. |
| | (3) Jika Tuan Yang di-Pertua puas hati yang demikian dan sama ada:<br><br>(a) Majlis Mesyuarat memberi izin dengan tidak ada siapa-siapa ahli yang | **(3) *Dibatalkan.*** |

Perpustakaan
Parlimen Malaysia



| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 18 | Teks Peraturan Mesyuarat 18 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | membangkang; atau<br><br>(b) jika Majlis Mesyuarat tidak memberi izin, tetapi sekurang-kurangnya lima belas orang ahli berdiri di tempatnya menyokong permintaan itu,<br><br>maka usul hendaklah ditempohkan sehingga pukul 4.30 petang hari ini juga dan pada pukul 4.30 itu, apa-apa perkara yang sedang dijalankan oleh Majlis Mesyuarat, hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 5.30 petang atau sehingga cadangan menangguhkan itu telah diputuskan iaitu yang mana dahulu di antara dua ini. Apabila sampai pukul 5.30 petang, maka cadangan menangguhkan mesyuarat itu, jika belum diselesaikan lagi, adalah lucut dan perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan dan diuruskan menurut perenggan (4). | |
| | (4) Apa-apa perjalanan yang telah ditangguhkan menurut Peraturan ini boleh diteruskan selepas pukul 5.30 petang, selama masa cadangan menurut Peraturan ini dibincangkan; dan apabila semua perjalanan mesyuarat dalam perenggan (3) tadi | **(4) *Dibatalkan.*** |

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 18 | Teks Peraturan Mesyuarat 18 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | telah selesai, maka mesyuarat hendaklah ditangguhkan dengan tidak dikemuka bagi diputuskan oleh mesyuarat. | |
| | (5) Tidak lebih daripada satu usul **menangguhkan mesyuarat** menurut Peraturan ini, boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat. | (5) Tidak lebih daripada satu usul menurut Peraturan ini, boleh dibawa pada satu hari persidangan mesyuarat. |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran F1** dan **F2**.

[Rujuk:

i) Lampiran F1 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 18; dan

ii) Lampiran F2 - *Amendment of Standing Order* 18]

## 3.7 PINDAAN PERATURAN MESYUARAT 22

Peraturan Mesyuarat 22 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda –

*(a)* dalam perenggan (2), dengan menggantikan perkataan "14 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan." dengan perkataan "10 hari bekerja kecuali diperuntukkan selainnya dalam perenggan (5)."; dan

*(b)* dengan memasukkan selepas perenggan (4) perenggan yang berikut:

Perpustakaan
Parlimen Malaysia



"(5) Bagi maksud pertanyaan bagi Jawapan Lisan dalam perenggan (4), 3 pertanyaan bolehlah diserahkan kepada Setiausaha semasa persidangan Majlis dan pemberitahu bertulis berkenaan dengan pertanyaan itu hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada 7 hari bekerja sebelum hari yang hendak dibawa pertanyaan-pertanyaan yang telah dikeluarkan pemberitahu itu.".

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 22(2) bertujuan untuk memendekkan tempoh pemberitahu berkenaan dengan pertanyaan-pertanyaan untuk diserahkan kepada Setiausaha daripada tidak lewat daripada 14 hari bekerja yang sedia ada kepada tidak lewat daripada 10 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan.

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 22(5) bertujuan untuk membenarkan 3 pertanyaan bagi Jawapan Lisan diserahkan kepada Setiausaha secara bertulis melalui pemberitahu tidak lewat daripada 7 hari bekerja semasa persidangan Majlis.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 22 | Teks Peraturan Mesyuarat 22 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | 22(2) Pemberitahu bertulis berkenaan dengan tiap-tiap pertanyaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada 14 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan. | 22(2) Pemberitahu bertulis berkenaan dengan tiap-tiap pertanyaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada **10 hari bekerja kecuali diperuntukkan selainnya dalam perenggan (5).** |

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 22 | Teks Peraturan Mesyuarat 22 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 2. | -TIADA- | **<u>Peraturan Mesyuarat Baru 22(5)</u>**<br><br>**22(5) Bagi maksud pertanyaan bagi Jawapan Lisan dalam perenggan (4), 3 pertanyaan bolehlah diserahkan kepada Setiausaha semasa persidangan Majlis dan pemberitahu bertulis berkenaan dengan pertanyaan itu hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada 7 hari bekerja sebelum hari yang hendak dibawa pertanyaan-pertanyaan yang telah dikeluarkan pemberitahu itu.** |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran G1** dan **G2**.

[Rujuk:
i) Lampiran G1 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 22; dan
ii) Lampiran G2 - *Amendment of Standing Order* 22]

## 3.8 <u>PINDAAN PERATURAN MESYUARAT 24</u>

Peraturan Mesyuarat 24 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (5) perenggan yang berikut:

"(5A) Walau apa pun perenggan (5), apa-apa pertanyaan yang berhubungan dengan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri

Perpustakaan
Parlimen Malaysia



hendaklah mengambil masa tiga puluh minit pada setiap hari Selasa dan Khamis sebelum permulaan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan.".

**Penerangan**

Peraturan Mesyuarat 24(5A) adalah berbangkit daripada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat baru 24A.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 24(5A) | Teks Peraturan Mesyuarat 24(5A) Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | Peraturan Mesyuarat Baru 24(5A)<br><br>**24(5A) Walau apa pun perenggan (5), apa-apa pertanyaan yang berhubungan dengan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri hendaklah mengambil masa tiga puluh minit pada setiap hari Selasa dan Khamis sebelum permulaan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan.** |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran H1** dan **H2**.
[Rujuk:

i) Lampiran H1 - Pindaan Peraturan Mesyuarat 24; dan

ii) Lampiran H2 - *Amendment Of Standing Order* 24]

Perpustakaan
Parlimen Mal...


## 3.9 PERATURAN MESYUARAT BARU 24A

Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas Peraturan Mesyuarat 24 Peraturan Mesyuarat yang berikut:

"Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri.

**24A.** (1) Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tidak dikeluarkan pemberitahu bertulis satu hari terlebih dahulu kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli sebelum Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri dimulakan.

(2) Seorang ahli boleh mengarahkan pertanyaan kepada Menteri berhubung dengan perkara dasar yang dalam tanggungan Menteri itu.

(3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah memanggil ahli yang bertulis namanya pada pertanyaan itu.

(4) Ahli yang dipanggil itu hendaklah berdiri pada tempatnya dan mengeluarkan pertanyaan itu.

(5) Tempoh masa untuk setiap pertanyaan dan jawapan oleh Menteri yang berhubungan dengan perkara yang dibangkitkan tersebut dihadkan kepada sepuluh minit.

(6) Pertanyaan tidak boleh dibahaskan.

(7) Pertanyaan tambahan dibenarkan dalam tempoh yang telah diberikan.

Perpustakaan Parlimen Malaysia



(8) Peraturan Mesyuarat 23 hendaklah terpakai bagi Peraturan Mesyuarat ini.".

**Penerangan**

Peraturan Mesyuarat baru 24A bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri untuk membenarkan seorang ahli menanyakan apa-apa pertanyaan yang berhubungan dengan isu-isu terkini.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 24A | Teks Peraturan Mesyuarat 24A Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | **<u>Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri</u>**<br><br>**24A. (1) Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tidak dikeluarkan pemberitahu bertulis satu hari terlebih dahulu kepada Setiausaha dalam waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli sebelum Waktu Pertanyaan - Pertanyaan Menteri dimulakan.**<br><br>**(2) Seorang ahli boleh mengarahkan pertanyaan kepada Menteri berhubung dengan perkara dasar yang dalam tanggungan Menteri itu.**<br><br>**(3) Tuan Yang di-Pertua hendaklah memanggil ahli yang bertulis namanya pada pertanyaan itu.** |

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 24A | Teks Peraturan Mesyuarat 24A Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | | **(4) Ahli yang dipanggil itu hendaklah berdiri pada tempatnya dan mengeluarkan pertanyaan itu.**<br><br>**(5) Tempoh masa untuk setiap pertanyaan dan jawapan oleh Menteri yang berhubungan dengan perkara yang dibangkitkan tersebut dihadkan kepada sepuluh minit.**<br><br>**(6) Pertanyaan tidak boleh dibahaskan.**<br><br>**(7) Pertanyaan tambahan dibenarkan dalam tempoh yang telah diberikan.**<br><br>**(8) Peraturan Mesyuarat 23 hendaklah terpakai bagi Peraturan Mesyuarat ini.** |

**Keputusan Jawatankuasa**

Jawatankuasa telah bersetuju untuk menerima cadangan pindaan ini seperti di **Lampiran I1** dan **I2**.

[Rujuk:
i) Lampiran I1 - Peraturan Mesyuarat Baru 24A; dan
ii) Lampiran I2 - *New Standing Order* 24A]

## 4.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.32 petang.

*Perpustakaan*
*Parlimen Malaysia*

# LAMPIRAN A HINGGA I

# PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

**LAMPIRAN A1**

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 13**

Peraturan Mesyuarat 13 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda –

*(a)* dengan memasukkan selepas perenggan (1) perenggan yang berikut:

"(1A) Walau apa pun perenggan (1), cukup bilang bagi Kamar Khas hendaklah mengandungi tiga orang ahli dengan termasuk Pengerusi yang disebut dalam Peraturan Mesyuarat 16."; dan

*(b)* dalam perenggan (3), dengan memasukkan selepas perkataan "Majlis Mesyuarat" perkataan "atau Kamar Khas".

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi cukup bilang Kamar Khas.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 13 | Teks Peraturan Mesyuarat 13 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | **13(1A) Walau apa pun perenggan (1), cukup bilang bagi Kamar Khas hendaklah mengandungi tiga orang ahli dengan termasuk Pengerusi yang disebut dalam Peraturan Mesyuarat 16.** |
| 2. | 13(3) Setelah dipanggil ahli-ahli itu, maka Tuan Yang di-Pertua, selepas genap dua minit, hendaklah membilang berapa orang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat; jika tidak cukupbilang juga maka hendaklah ditangguhkannya | 13(3) Setelah dipanggil ahli-ahli itu, maka Tuan Yang di-Pertua, selepas genap dua minit, hendaklah membilang berapa orang ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat **atau Kamar Khas**; jika tidak cukup bilang juga maka hendaklah ditangguhkannya |

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 13 | Teks Peraturan Mesyuarat 13 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| | mesyuarat itu hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat. | mesyuarat itu hingga hari mesyuarat yang kemudian dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat. |

*Perpustakaan*
*Parlimen Malaysia*

**LAMPIRAN A2**

**Amendment of Standing Order 13**

Standing Order 13 of the Standing Orders of the Dewan Rakyat is amended –

*(a)* by inserting after paragraph (1) the following paragraph:

"(1A) Notwithstanding paragraph (1), the quorum of the Special Chamber shall consist of three members including the Chair as referred to in Standing Order 16."; and

*(b)* in paragraph (3), by inserting after the word "House" wherever it appears the words "or the Special Chamber".

**Explanation**

The amendment to Standing Order 13 seeks to provide for the quorum of the Special Chamber.

**Text Amendment**

| Bil. | Standing Order 13 Original Text | Standing Order 13 With Amendment/New |
|---|---|---|
| 1. | -NONE- | **13(1A) Notwithstanding paragraph (1), the quorum of the Special Chamber shall consist of three members including the Chair as referred to in Standing Order 16**. |
| 2. | 13(3) When the summons to members has been made in the House, Tuan Yang di-Pertua shall, after the expiration of two minutes, count the House. If a quorum is not then present, he shall adjourn the House without question put until the next sitting day. | 13(3) When the summons to members has been made in the House **or the Special Chamber**, Tuan Yang di-Pertua shall, after the expiration of two minutes, count the House **or the Special Chamber**. If a quorum is not then present, he shall adjourn the House **or the Special Chamber** without question put until the next sitting day. |

*Perpustakaan*
*Parlimen Malaysia*

**LAMPIRAN B1**

**Pindaan Peraturan Mesyuarat 14**

Peraturan Mesyuarat 14(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda –

*(a)* dengan memasukkan selepas subperenggan *(f)* subperenggan yang berikut:

"*(fa)* Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri."; dan

*(b)* dalam subperenggan *(h)*, dengan menggantikan perkataan "Permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat kerana" dengan perkataan "Usul bagi".

**Penerangan**

Pindaan kepada Peraturan Mesyuarat 14 bertujuan untuk memasukkan Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 14 | Teks Peraturan Mesyuarat 14 Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | **14(1)*(fa)* Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri.** |
| 2. | 14(1)*(h)* Permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan. | **14(1)*(h)* Usul bagi perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan.** |

*Perpustakaan*
*Parlimen Malaysia*

**LAMPIRAN B2**

## Amendment of Standing Order 14

Standing Order 14(1) of the Standing Orders of the Dewan Rakyat is amended –

*(a)* by inserting after subparagraph *(f)* the following subparagraph:

"*(fa)* Minister's Question Time."; and

*(b)* in subparagraph *(h)*, by substituting for the words "Requests for leave to move the Adjournment of the House" the word "Motion".

## Explanation

The amendment to Standing Order 14 seeks to introduce the Minister's Question Time into the Order of Business.

## Text Amendment

| Bil. | Standing Order 14 Original Text | Standing Order 14 With Amendment/New |
|---|---|---|
| 1. | -NONE- | **14(1)*(fa)* Minister's Question Time.** |
| 2. | 14(1)*(h)* Requests for leave to move the Adjournment of the House on matters of urgent public importance. | **14(1)*(h)* Motion on matters of urgent public importance.** |

Perpustakaan
Parlimen Malaysia

LAMPIRAN C1

**Peraturan Mesyuarat baru 14A**

Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan memasukkan selepas Peraturan Mesyuarat 14 Peraturan Mesyuarat yang berikut:

"Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.

**14A.** Urusan-urusan bagi setiap persidangan Kamar Khas hendaklah mengikut aturan sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.".

**Penerangan**

Peraturan Mesyuarat baru 14A bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.

**Teks Pindaan**

| Bil. | Teks Asal Peraturan Mesyuarat 14A | Teks Peraturan Mesyuarat 14A Dengan Pindaan/Baru |
|---|---|---|
| 1. | -TIADA- | **14A. Urusan-urusan bagi setiap persidangan Kamar Khas hendaklah mengikut aturan sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.** |

Perpustakaan
Parlimen Malaysia



**New Standing Order 14A**

The Standing Orders of the Dewan Rakyat are amended by inserting after Standing Order 14 the following Standing Order:

"Order of Business of Special Chamber.

**14A.** The business of each sitting of the Special Chamber shall be transacted in the order as determined by Tuan Yang di-Pertua.".

**Explanation**

The new Standing Order 14A seeks to provide for the Order of Business of the Special Chamber.

**Amendment Text**

| Bil. | Standing Order 14A Original Text | Standing Order 14A With Amendment/New |
|---|---|---|
| 1. | -NONE- | **14A. The business of each sitting of the Special Chamber shall be transacted in the order as determined by Tuan Yang di-Pertua.** |

Perpustakaan
Parlimen Malaysia

LAMPIRAN D1

**Penggantian Peraturan Mesyuarat 16**

Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dipinda dengan menggantikan Peraturan Mesyuarat 16 dengan Peraturan Mesyuarat yang berikut:

"Kamar Khas. **16.** (1) Hendaklah ada sebuah Kamar Khas yang ditubuhkan untuk menimbangkan perkara yang dirujukkan kepadanya seperti yang berikut:

*(a)* ucapan berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir yang dalam tanggungan Kerajaan di bawah Peraturan Mesyuarat 17; dan

*(b)* perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

(2) Semua ahli Majlis adalah ahli Kamar Khas.

(3) Cukup bilang Kamar Khas hendaklah tiga orang ahli dan terdiri daripada–

*(a)* Tuan Yang di-Pertua;

*(b)* seorang ahli yang mengeluarkan usul; dan

*(c)* seorang ahli Kerajaan.

(4) Kamar Khas boleh bermesyuarat pada bila-bila masa semasa persidangan Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Tuan Yang di-Pertua.

